

# OIC diminta lebih tegas banteras keganasan

BH 12 APR 2002

PERTUBUHAN Persidangan Islam (OIC) diminta menyelaras pelan bertindakyang lebih tegas dan menyeluruh bagi menyedarkan dunia bahawa Islam tidak merestui keganasan. sebaliknya Islam melarang sama sekali tindakan seumpama itu.

Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi, berkata masa untuk berbincang sudah cukup, kini tiba masanya bagi negara Islam menyelaras dan melaksana segala usaha membanteras keganasan global secara proaktif.

"Keganasan regim Israel terhadap Palestin kini semakin memuncak sehingga mengakibatkan ramai rakyat Palestin terkorban sedangkan dalam sebenar keganasan tidak dihidangkan ke muka pengadilan.

"Dalam konteks ini Israel adalah pengganas sebenar tetapi pihak tertentu mengabui mata dunia bahawa Israel hanya membalas sera-

nean Palestin.

"Palestin perlu dibebaskan segera kerana jika dunia terus berdolak-dalih, mungkin tidak ada lagi Palestin untuk diselamatkan," katanya selepas menghadiri hari pertama persidangan ICFM mengenai keganasan, semalam.

Beliau juga menyokong ucapnama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menaagesa dunia menghapuskan keganasan global kerana rakyat tidak boleh terus hidup dalam ketakutan.

Menteri Luar Oman, Yusuf Alwi bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa usaha menentang keganasan tidak wajar menjadikan mana-mana pihak, khususnya negara Islam, sebagai sasaran tanpa bukti kukuh.

"Serangan terhadap rakyat Palestin di Ramallah dan Tebing Barat hanya boleh disifatkan sebagai pembunuhan kejam yang didorong keingi-

nan membalas dendam dan bukannya membanteras keganasan.

"Ini perlu dihentikan kerana ia bukan saja menjejaskan rundingan damai, malah mampu melenyapkan rakyat sesebuah negara," katanya.

Menteri Luar kerajaan sementara Afghanistan, Dr Abdullah Abdullah juga sependapat dengan Perdana Menteri bahawa serangan 11 September di Amerika Syarikat dijadikan alasan oleh pihak tertentu bagi menyerang Islam.

"Hakikatnya, ramai yang menjadi mangsa sekarang tidak pernah terabit dengan keganasan, sebaliknya pengganas sebenar masih bermaharajalela membunuh orang awam.

"Perang menentang keganasan global kini sudah tersasar daripada matlamat sebenar dan dunia Islam harus mengubah salah faham ini," katanya.